



CARA PENGURUSAN JENAZAH ISLAM



Terbitan
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

PERKARA-PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN KEPADA ORANG BARU MENINGGAL DUNIA

Apabila seorang Islam meninggal dunia, maka bagi orang yang hidup hendaklah melakukan perkara yang berikut:

1. Hendaklah ditutupkan(dipejamkan) matanya dan menyebut kebaikan serta mendoakannya supaya mendapat keampunan oleh Allah bagi dosa-dosanya. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan daripada Syaddad Bin Aus:

إِذَا حَضَرْتُمْ مَوْتَكُمْ فَأَغْمِضُوا الْبَصَرَ
فَإِنَّ الْبَصَرَ يَتَّبِعُ الرُّوحَ، وَقُولُوا خَيْرًا
فَإِنَّهُ يُؤَمَّنُ عَلَى مَا قَالَهُ أَهْلُ الْمَمِيَّتِ
رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَةَ.

Bila kamu menghadapi orang mati , hendaklah kamu menutup matanya kerana sesungguhnya mata itu mengikutkan roh. Dan hendaklah kamu mengucapkan kata-kata yang baik(mendoakannya) maka sesungguhnya ia dipercayai menurut apa yang diucapkan oleh ahli mayat.

2. Hendaklah ditutup seluruh badannya dengan kain, sebagai penghormatan terhadapnya, supaya tidak terbuka auratnya. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a :

قَالَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تُوْفِّي سُبْحَى بِرِدِّ حَبْرَةَ - رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w ketika baginda wafat ditutup dengan kain.

3. Ahli keluarga si mati yang mampu hendaklah dengan segera membayar hutang si mati jika ia berhutang samada dibayar daripada peninggalan si mati atau dari pertolongan keluarga itu sendiri.

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ - رَوَاهُ أَحْمَدُ التِّرْمِذِيُّ.

Diri orang mukmin itu, tergantung (tak sampai ke sisi Allah) kerana hutangnya sehinggalah dibayar dahulu hutangnya oleh keluarganya.

Sekiranya kaum keluarga si mati tidak mampu membayar hutang tadi, maka terserahlah kepada Allah Taala Yang Maha Pengasih Dan Maha Pemurah mengikut tujuan dan maksud semasa orang itu berhutang. Sabda Rasulullah s.a.w dalam hadisnya yang diriwayatkan dari Ibnu Umar R.A :

الَّذِينَ دَيْنَانِ، فَمَنْ مَاتَ وَهُوَ يَنْوِي

قَضَاءَهُ فَأَنَاوَلِيَّهُ، وَمَنْ مَاتَ وَلَا يَنْوِي

قَضَاءَهُ فَذَلِكَ الَّذِي يُؤْخَذُ مِنْ حَسَنَاتِهِ

لَيْسَ يَوْمَئِذٍ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ - رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ.

Hutang itu ada 2 jenis. Barang siapa yang mati meninggalkan hutang, sedang ia berniat untuk mati meninggalkan hutang, maka aku yang mengendalikannya, dan barang siapa mati, sedangkan ia tidak berniat untuk membayarnya, maka pembayarannya akan di ambilkan dari amal kebajikannya , kerana di waktu itu tiada emas dan perak untuk membayarnya.

MENCIUM JENAZAH

Sudah menjadi lumrah manusia, disaat kematian perasaan sedih dan hiba akan timbul berikutan kehilangan orang yang tersayang Oleh itu di mana saja berlaku kematian kita pasti dapat melihat mereka mencium jenazah untuk melepaskan kasih sayang yang terakhir.

Perbuatan ini tidak menjejaskan kesucian agama Islam, dan tidak pula bercanggah dengan hukum Syarak. Menurut hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah mencium mayat sahabatnya Osman Bin Maz'un. Hadisnya:

عَنْ عَائِشَةَ قَبَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُثْمَانَ بْنَ مَظْعُونٍ وَهُوَ مَيِّتٌ حَتَّى رَأَيْتُ الدَّمُوعَ تَسِيلُ عَلَى وَجْهِهِ - رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ.

- : Rasulullah telah mencium mayat sahabatnya Osman Bin Maz'un di mana air mata baginda kelihatan mengalir di mukanya(membasahi pipinya).

Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahwa hukum mencium jenazah tidaklah haram dan tidak pula makruh, tetapi hukumnya adalah harus.

MENANGISI MAYAT

Gelak ketawa dikala menyambut kelahiran dan juga tangisan dikala kematian sememangnya menjadi lumrah dalam kehidupan manusia. Oleh itu apabila ada yang menangisi di saat kematian adalah wajar dan tidak semestinya dilarang. Raulullah s.a.w sendiri pernah menangis dikala isteri baginda Khadijah Bt Khuwailid yang dicintainya kembali ke rahmatullah di mana tahun itu dinamakan oleh baginda غَامُ الْحَزَنِ (tahun dukacita).

Begitu juga dikala anak baginda, Ibrahim meninggal dunia, hati baginda merasa sangat sedih dan dukacita sehingga air mata baginda mengalir membasahi pipinya. Sabda Rasulullah s.a.w

إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمَعُ، وَالْقَلْبُ يَحْزِنُ وَلَا تَقُولُ
إِلَّا مَا يُرْضَى رَبُّنَا وَأَنَا لِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ
لَمَحْزُونُونَ - رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ.

Air mata mengalir, dan hatiku dukacita. Dan tidak sesuatu yang ku sebutkan selain daripada yang disukai Allah. Sesungguhnya aku merasa dukacita dengan pemergian engkau Ya Ibrahim.

MERATAP

Meratap ialah menangis dengan berlebihan sehingga sampai menjerit-jerit, mengoyakkan pakaian, menampar muka dan dada sambil menyebut nama dan jasa si mati.

Perbuatan ini adalah haram dan tidak boleh dilakukan kerana perbuatan ini adalah perbuatan orang-orang di zaman jahiliah. Sabda Rasulullah dalam hadisnya yang sahih:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْأَخْذُودَ وَشَقَّ
الْجُيُوبَ وَدَعَا بِدَعْوَةِ الْجَاهِلِيَّةِ - مُتَّفَقٌ
عَلَيْهِ.

Ertinya: Bukan golongan kami orang yang meratap memukul-mukul pipinya dan mengoyak-nyoyak baju serta menjerit-jerit seperti jeritan orang-orang Jahiliah.

Dalam hadis yang lain dengan tegas Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَا بَرِيءٌ مِنَ الصَّالِقَةِ وَالْحَالِقَةِ - مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

Ertinya: Aku berlepas tangan terhadap orang yang menjerit-jerit dan orang yang menarik-narik rambut dan orang yang mengoyak-ngoyak pakaian.

Meratapi mayat dengan cara tersebut bukan sahaja haram dan berdosa tetapi juga akan menambahkan siksa mayat yang berada di dalam kubur. Ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadisnya dari Ibnu Khattab r.a :

الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ فِي قَبْرِهِ بِمَا نَيْحَ عَلَيْهِ - مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Ertinya: Mayat itu akan disiksa di dalam kuburnya kerana ratapan terhadapnya.

PERKARA-PERKARA YANG SUNAT DILAKUKAN SEBELUM MAYAT DIKEBUMIKAN.

Bila seseorang itu telah meninggal dunia, maka sunat bagi orang yang hadir di Majelis itu melakukan perkara-perkara berikut kepada mayat tersebut:

1. Memejamkan kedua belah matanya sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis yang lalu dengan membaca;

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

2. Mengikat dagunya ke kepalanya dengan kain yang agak lebar sedikit dan bersih supaya mulutnya tidak ternganga dan tidak dimasuki oleh binatang-binatang kecil dan lain - lainnya.

3. Hendaklah diletakkan mayat tadi di tempat yang tinggi sedikit seperti katil dan sebagainya, di mana kakinya dilunjurkan ke arah kiblat, dan kepalanya mestilah tinggi sedikit dari kakinya dengan diletakkan sesuatu alas di bawah kepalanya seperti bantal dan sebagainya.

4. Semua pakaiannya hendaklah ditanggalkan, dan ditutup seluruh badannya dari kaki hingga habis kepalanya dengan kain yang sederhana tebal serta dilipatkan tepi kain sebelah atas ke

bawah kepalanya dan tepi kain sebelah bawah dilipatkan ke bawah hujung kakinya.

5. Kedua-dua belah tangan mayat itu hendaklah di atas dadanya, tangan kanannya diletakkan di atas tangan kirinya seperti keadaan letak tangan semasa sembahyang, dan sebaik-baiknya tangannya itu diikat dengan kain supaya tidak terbuka dan tidak terkulai ke bawah. Dan sebelum itu hendaklah dilipatkan kedua-dua belah lengannya ke bahu, dan kakinya ke paha dengan perlahan-lahan beberapa kali supaya lembut sendi-sendinya dan mudah memandikannya.

6. Hendaklah diletakkan di atas perutnya sesuatu benda yang agak berat sedikit seperti besi dan sebagainya untuk menjaga perutnya supaya tidak membesar dan tidak buncit, tetapi janganlah diletakkan di atasnya Al-Quran atau hadis.

MENGURUSKAN JENAZAH

Seseorang yang telah nyata telah meninggal dunia, hendaklah diuruskan mayatnya dengan seberapa cepat. Jangan dilambat-lambatkan dan ditangguh-tangguhkan. Sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang sahih:

أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ، فَإِنْ كَانَتْ صَالِحَةً
 قَرَّبْتُمُونَهَا إِلَى الْخَيْرِ، وَإِنْ كَانَتْ غَيْرَ
 ذَلِكَ فَشَرُّ تَضَعُونَهُ عَنْ رِقَابِكُمْ - مُتَّفَقٌ
 عَلَيْهِ.

Ertinya: segerakanlah oleh kamu menguruskan jenazah(mayat), jika mayat itu baik maka kamu mendekatkan dia kepada kebajikan dan jika mayat itu tidak baik, maka bererti kamu melepaskan kejahatan daripada tengkuk kamu.

Dalam satu hadis yang sahih, Rasulullah s.a.w. telah mengingatkan kepada Saidina Ali bin Abi Talib, sabdanya:

يَا عَلِيُّ، ثَلَاثٌ لَا تُؤَخِّرُهَا، الصَّلَاةُ إِذَا
 آتَتْ، وَالْجَنَازَةُ إِذَا حَضَرَتْ وَالْأَيْمُ إِذَا
 وَجَدَتْ كُفُوءًا - رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ.

Ertinya: Wahai Ali! tiga perkara jangan engkau lambatkan. Pertama, sembahyang bila waktunya telah masuk. Kedua, menguruskan jenazah (mayat) bila ia telah hadir (ada) dan ketiga, ketika

janda sudah ada orang yang sekufu meminangnya.

Kedua-dua hadis tersebut menerangkan, bahawa setiap orang Islam yang telah nyata yang ianya telah meninggal dunia hendaklah diuruskan dengan seberapa segera.

Jika seseorang itu mati di waktu malam hendaklah dikebumikan di waktu siangya sebelum masuk waktu zohor atau selepas zohor. Dan jika seseorang mati di waktu pagi hendaklah dikebumikan sebelum masuk malam hari.

Tetapi jika seseorang mati di waktu petang, bolehlah diuruskan mayat itu pada keesokan harinya, jangan ditanam di waktu malam.

Sabda Razulullah s.a.w.

لَا تَدْفِنُوا مَوْتَاكُمْ بِاللَّيْلِ إِلَّا أَنْ تَضْطَرُّوْا
رَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ.

Ertinya: Jangan kamu kebumikan mayat itu di waktu malam, kecuali jika terpaksa.

PERKARA-PERKARA YANG WAJIB DILAKSANAKAN

Bila seseorang Islam meninggal dunia, maka

fardhu kifayah atas orang hidup melaksanakan perkara-perkara berikut: -

1. Memandikan.
2. Mengkapankan.
3. Menyembahyangkan, dan
4. Mengkebumikan.

Keempat-empat perkara tersebut wajib dilaksanakan dengan sempurna dan segera, kecuali orang yang mati Syahid, maka hanya wajib dikapankan dan dikebumikan, dan haram dimandi dan disembahyangkan.

Memandikan

Sekurang-kurang mandi mayat ialah dengan meratakan air ke seluruh tubuh badan mayat setelah dibersihkan najis yang ada pada badannya hingga kepada faraj (kemaluan perempuan) yang terbuka di waktu duduk mencangkung dan ke bawah kulub zakar (kemaluan lelaki) jika zakar itu boleh dibukakan.

Jika zakar itu tidak boleh dibukakan, dan air tidak sampai ke bawah kulub zakarnya, maka menurut pendapat Ulamak Mutakaddimin dari Mazhab Syafie memadailah dengan memandikannya

sahaja dan sembahyangkan tanpa ditayammumkan.

Tetapi menurut pendapat Syeikh Ibnu Hajar wajib menyampaikan air ke bawah kulub lelaki yang belum berkhatan, dan hendaklah dibuka dan dibasuh najis-najis yang ada di bawah kulubnya tadi. Sekiranya payah untuk membuka kulubnya, maka hendaklah ditayammumkan sebagai ganti membasuh di bawah kulubnya itu.

Cara memandikan

Cara memandikan mayat dengan sempurna adalah sebagaimana di bawah:

1. Hendaklah dimandikan di tempat yang tertutup seperti bilik dan sebagainya. Di masa memandikan mayat tadi jangan dibenarkan sesiapa pun masuk ke tempat itu kecuali orang yang memandikan sahaja, pembantu-pembantunya dan ahli waris yang hampir, seperti ibu/bapa, suami atau isteri, dan anak-anaknya.
2. Pakaian mayat itu hendaklah ditanggalkan dan diganti dengan kain basahan mandi, sebaik baiknya dengan kain sarung, supaya tidak terdedah auratnya dan jangan ditelanjangi mayat tadi ketika memandikannya.

3. Hendaklah dibaringkan mayat itu di atas kepingan papan yang lebar yang letaknya agak tinggi seperti meja, bangku panjang dan sebagainya supaya tidak terkena percikan air yang jatuh.

4. Air yang digunakan untuk memandikan mayat itu ialah air masin atau air tawar sejuk supaya menahan daripada segera busuk. Tetapi jika air tadi terlalu sejuk bolehlah dicampurkan dengan sedikit air panas.

5. Sebelum atau setelah mayat itu dimandikan, hendaklah mayat tadi diwudhu'kan. Lafaz niatnya:-

نَوَيْتُ الْوُضُوءَ الْمَسْنُونَةَ لِهَذَا الْمَيِّتِ لِلَّهِ
تَعَالَى.

Ertinya: Sahaja aku mengambil wudhu' bagi mayat ini sunat kerana Allah Taala'.

Sesungguhpun hukum mengambil wudhu' mayat itu sunat, tetapi niat mengwudhu'kannya itu adalah wajib. Dan niat memandikan adalah sunat sahaja' sekalipun mandi itu wajib. Lafaz niat mandinya:-

نَوَيْتُ الْغُسْلَ الْوَاجِبَ لِهَذَا الْمَيِّتِ لِلَّهِ
تَعَالَى.

Ertinya : Sahaja aku mandikan bagi mayat ini waiib kerana Allah Taala'

6. Setelah mayat itu diwudhu'kan, hendaklah orang yang memandikan mayat itu mengangkat mayat tersebut disandarkan kepada lutut dan diletakkan tangan kanan ke atas belikat mayat dan ibu jari tangan kanan diletakkan bertentangan lubang tengkuk mayat supaya kepala mayat itu tidak mendongak. Tangan kiri hendaklah mengurut perut mayat dan menekannya, diulang beberapa kali supaya keluar najis-najis yang ada di dalam perut mayat tadi. Semua perbuatan tersebut hendaklah dilakukan dengan perlahan-lahan dan lemah lembut.

7. Selepas perkara tersebut di atas dilakukan dengan sempurna, maka mayat tadi dibaringkan dengan telentang. Selepas itu hendaklah dibasuh kemaluannya dan duburnya dengan tangan kiri yang telah dibalut dengan kain yang bersih sehingga kemaluan dan duburnya bersih, dan kain pembalut tangan tadi hendaklah ditukar

supaya najis yang melekat pada kain itu tidak melekat kembali ke kemaluan dan ke dubur mayat tadi.

8. Setelah kemaluan dan dubur mayat itu dibasuh, hendaklah pula dibasuh dan dibersihkan giginya, matanya, lubang hidungnya dan kedua belah telinganya dengan kain yang bersih dan hendaklah juga dibersihkan kekotoran di bawah kukunya dengan sesuatu benda, seperti lidi mancis dan sebagainya.

9. Hendaklah dibasuh kepala dan janggut mayat itu (jika ada) dan disikatkan rambutnya dengan sikat yang jarang supaya rambutnya tidak gugur. Sekiranya didapati ada rambut mayat itu gugur sebelum dimandikan atau semasa memandikan atau di masa menyisirnya, maka hendaklah dimasukkan ke dalam kapannya atau ke dalam kuburnya, kerana rambut mayat itu adalah wajib ditanam bersamanya.

Cara-cara Menjirus Mayat

Sebelum mayat itu dijirus dengan air, hendaklah mayat tadi ditutup semua badannya dengan kain yang nipis selama masa memandikannya supaya

tidak kelihatan auratnya. Kemudian barulah dilakukan perkara-perkara berikut:

1. Hendaklah dimulakan dengan menjirus bahagian hadapan sebelah kanan yang dimulai dari tengkok hingga ke hujung jari kaki .Selepas itu dijirus bahagian hadapan sebelah kiri sebagaimana yang dilakukan pada bahagian kanan.

2. Miringkan badan mayat itu ke sebelah kiri dan dijirus pula bahagian kanan, kemudian dijirus pula ke bahagian kirinya. Sewaktu menjirus badan mayat tadi hendaklah digosok dengan sabun atau air bidara. Sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Baginda berkata pada orang yang mati terjatuh dari kenderaannya :-

إِغْسِلُوهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ - رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Ertinya: "Mandikanlah dia dengan air serta daun bidara."

Kemudian dijiruskan pula dengan air yang bercampur sedikit kapur barus sekadar tidak mengubah air itu. Jirusan ini hendaklah dilakukan dari kepala hingga sampai ke kaki, dan mestilah diratakan ke seluruh badan mayat itu. Perbuatan seperti ini adalah dikira sekali mandi.

Demikian hendaknya diperbuat tiga kali berturut-turut. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ دَخَلَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَنَحْنُ نَغْسِلُ ابْنَتَهُ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتَ ذَلِكَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ وَاجْعَلْنَ فِي الْأَخِيرَةِ كَافُورًا - رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ. وَفِي رِوَايَةٍ، إِبْدَانِ يَسَاءٍ مِنْهَا وَمَوَاضِعِ الْوُضُوءِ مِنْهَا.

Ertinya: "Diriwayatkan dari Ummi Atiyah" Nabi s.a.w. masuk ke tempat kami memandikan anak perempuannya, lalu bersabda: Mandikanlah dia tiga kali atau lima kali atau lebih, jika kamu pandang baik lebih dari itu dengan air serta daun bidara. Dan basuh yang penghabisan hendaklah dicampur dengan kapur barus (Bukhari, Muslim).

Dalam riwayat yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

Mulailah oleh kamu dengan bahagian sebelah kanan dan anggota wudhu'nya.

Jika keluar najis selepas dari mandinya dan sebelum disembahyangkan, maka wajib dibersihkan najis itu sahaja tanpa dimandikan kembali. Setelah selesai mayat itu dimandikan hendaklah di lap badannya dengan kain yang lembut seperti tuala dan sebagainya sehingga kering supaya kain kapannya tidak basah, dan hendaklah pula mendoakan mayat itu dengan doa:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي وَأَيَّاهُ مِنَ التَّوَّابِينَ

Ertinya . "Ya Allah, Jadikanlah aku dan dia daripada orang yang bertaubat.

Mereka Yang Berhak Memandikan Mayat

1. Jika mayat itu lelaki hendaklah orang yang memandikannya itu lelaki juga. Tidak boleh mayat lelaki dimandikan oleh orang perempuan, kecuali isteri dan mahramnya. Sebaliknya jika mayat itu perempuan hendaklah dimandikan oleh orang perempuan juga. Tidak boleh mayat perempuan dimandikan oleh orang lelaki, kecuali suami atau mahramnya. Sekiranya isteri dan mahram mayat itu sama-sama ada, maka isterinya lebih berhak memandikan mayat suaminya. Dan jika suami dan mahram mayat itu

sama-sama ada juga, maka suaminya pula yang lebih berhak memandikan mayat isterinya.

2. Bila seseorang perempuan meninggal dunia dan di tempatnya tidak ada perempuan, suami atau mahramnya juga tidak ada, maka mayat itu hendaklah ditayammumkan sahaja, tidak boleh dimandikan oleh orang lelaki yang lain. Perkara seperti ini mungkin tidak berlaku, dan tidak terjadi di zaman kita sekarang. Begitu juga jika seseorang lelaki meninggal dunia, dan di tempatnya tidak ada lelaki, isteri atau mahramnya pun tiada juga, maka mayat itu hendaklah ditayammumkan sahaja. Tidak boleh dimandikan oleh orang perempuan yang lain. Masalah ini juga tidak akan wujud di hari ini. Tetapi jika mayat itu kanak-kanak lelaki, bolehlah dimandikan oleh orang perempuan. Begitu juga jika mayat itu kanak-kanak perempuan bolehlah dimandikan oleh orang lelaki.

3. Jika didapati beberapa orang yang berhak memandikan mayat itu maka orang yang lebih berhak lagi ialah keluarga yang hampir kepada mayat tersebut, di mana ianya mengetahui kewajipan mandi serta dipercayai.

Tetapi jika tidak didapati, berpindahlah hak memandikan mayat itu kepada orang yang lebih jauh yang berpengetahuan serta boleh dipercayai. Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a.

مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَأَدَّى فِيهِ الْأَمَانَةَ وَلَمْ يُفَشِرْ
عَلَيْهِ مَا يَكُونُ مِنْهُ ذَلِكَ خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ
كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ وَقَالَ لِيَلَيْهِ أَقْرَبُكُمْ إِنْ
كَانَ يَعْلَمُ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ يَعْلَمُ فَمَنْ تَرَوْنَ
عِنْدَهُ حَظًّا مِنْ وَرَعٍ وَأَمَانَةٍ - رَوَاهُ أَحْمَدُ.

Ertinya, "Barangsiapa memandikan mayat dan dijaganya kepercayaan, tidak dibukakannya kepada orang lain apa-apa yang dilihat pada mayat itu, bersihlah ia daripada dosa sewaktu dilahirkan oleh ibunya. Sabda baginda lagi : Hendaklah orang yang mengetuainya keluarga yang paling hampir kepada mayat itu jika ia mengetahui memandikan mayat. Jika ia tidak mengetahuinya maka sesiapaupun sahaja akan dianggap berhak kerana waraknya atau kerana amanahnya (dipercayai)

Mengkapankan

Setelah mayat itu selesai dimandikan dengan sempurna, maka wajib pula dikapankan. Kapan itu hendaklah diambil dari harta mayat sendiri, jika mayat tadi ada meninggalkan harta.

Tetapi kalau ia tidak ada meninggalkan harta, maka kapannya wajib diambil dari harta mereka yang wajib memberi nafkahnya di masa ia hidup.

Kalau orang yang memberi nafkahnya itu juga tidak mempunyai harta, maka hendaklah diambil dari kumpulan harta atau wang 'Baitulmal'.

Jika Baitulmal tidak ada, atau tidak mempunyai harta atau wang, maka wajib atas orang Islam yang mampu mengeluarkan perbelanjaan kapan tersebut. Begitu juga perbelanjaan perbelanjaan yang lain yang bersangkutan dengan pengurusan jenazah.

Kain Kapan

Sekurang-kurang kain kapan ialah selapis kain yang menutupi seluruh badan mayat, samada lelaki atau perempuan. Sebaik-baiknya (afdal) bagi mayat lelaki, samada sudah dewasa atau masih kanak-kanak ialah tiga lapis kain putih. Tiap-tiap lapis daripadanya hendaklah menutupi seluruh badan mayat itu. Sebahagian Ulama berpendapat; satu dari tiga lapis itu, hendak izar

(kain lepas) dan dua lapis menutupi sekalian badannya.

Dan harus pula ditambah lagi dengan sehelai baju dan serban, di mana tambahan ini adalah disyaratkan, bahawa waris mayat itu telah sempurna akal (baligh dan waras) dan waris-waris itu redha dan bersetuju di atas tambahan tersebut. Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan dari Aisyah r.a.

كَفَّنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي
ثَلَاثَةِ أَثْوَابٍ بَيْضٍ سُحُولِيَّةٍ مِنْ
كُرْسُفٍ لَيْسَ فِيهَا قَمِيصٌ وَلَا عَمَامَةٌ
- مَتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

Ertinya: "Rasulullah s.a.w. dikapani dengan tiga lapis kain putih bersih, yang terbuat dari kapas, tidak ada di dalamnya baju dan tidak ada pula serban."

Kapan Mayat Perempuan

Mayat perempuan itu sebaik-baiknya (afdal) hendaklah dikapankan dengan lima lapis kain, dua lapis daripadanya ialah kain kapan, satu lapis kain yang menutupi antara pusat dan lutut, satu

lapis baju, dan satu lapis telekung. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ لَيْلَى بِنْتِ قَانِفٍ قَالَتْ: كُنْتُ فِيْمَنْ
غَسَلَ أُمَّ كَلْثُومَ بِنْتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ وَفَاتِهَا وَكَانَ أَوَّلَ مَا
أَعْطَانَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
الْحِقَا ثُمَّ الدِّرْعَ ثُمَّ الْخِمَارَ ثُمَّ الْمِلْحَفَةَ
ثُمَّ أُدْرِحَتْ بَعْدَ ذَلِكَ فِي ثَوْبٍ الْآخَرَ
قَالَتْ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عِنْدَ الْبَابِ وَمَعَهُ كَفْنُهَا يُتَاوَلْنَا ثَوْبًا ثَوْبًا
- رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ.

Ertinya: Diriwayatkan dari Laila binti Qanif katanya; Saya salah seorang yang turut memandikan Ummi Kalsum binti Rasulullah s.a.w. ketika wafatnya, yang mula-mula diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada kami ialah kain lepas, kemudian baju, kemudian tutup kepala, kemudian telekung, dan sesudah itu dimasukkan dalam kain yang lain (yang menutupi seluruh badannya). Berkata Laila lagi, sementara Rasulullah s.a.w. berdiri di tengah pintu

membawa kapannya dan memberikannya kepada kami sehelai demi sehelai.

Kain Yang Digunakan

Kain yang digunakan untuk kapan mayat itu adalah sunat dari kain yang berwarna putih. Sabda Rasulullah s.a.w.

إِبْسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ اللَّيَاضَ فَإِنَّهَا خَيْرُ
ثِيَابِكُمْ وَكَفَّفْنَا فِيهَا مَوْتَاكُمْ - رَوَاهُ
التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ.

Ertinya: pakailah olehmu kain yang putih kerana sesungguhnya kain putih itu kain yang sebaik-baiknya dan kapankanlah mayat kamu dengan kain putih itu.

Cara-cara Mengkapankan

Cara-cara mengkapankan mayat adalah sebagaimana berikut:-

1. Kain-kain kapan itu sebaik-baiknya hendaklah diasapi dengan sesuatu benda yang berbau harum, seperti setinggi atau gaharu.
2. Dihamparkan selapis-selapis dan ditaburkan di atas tiap-tiap lapis benda-benda yang berbau harum, seperti kapur barus yang sudah

dihaluskan, kayu cendana, minyak kasturi dan sebagainya, dan diletakkan di bawah lapisan pertama lima tali atau tiga tali untuk dijadikan pengikatnya.

3. Setelah perkara-perkara di atas dilaksanakan, barulah mayat tadi diletakkan di atas kapan itu dengan telentang, dan kedua tangannya diletakkan di atas dadanya, di mana tangan kanannya di atas tangan kiri seperti keadaan dalam sembahyang atau kedua tangannya diluruskan menurut lembungnya (rusuk).

4. Hendaklah dimulakan membungkus jenazah dengan kapannya dari sebelah kiri dan kapan yang sebelah kanan ditindihkan ke sebelah kiri, selepas itu barulah diikat dengan lima ikatan atau tiga ikatan.

Menyembahyangkan

Setelah selesai mayat itu dimandikan dan dikapankan, maka wajib pula disembahyangkan. Sabda Rasulullah s.a.w.

صَلُّوا عَلَيَّ مَوْتَاكُمْ - رَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ.

Ertinya: " Sembahyangkanlah oleh kamu akan orang-orang yang mati dari kalangan kamu."

Dalam hadis yang lain yang diriwayatkan dari Salamah bin Al-Akwa', katanya:

كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ أَتَى بِجَنَازَةٍ قَالَ صَلُّوا عَلَيَّ صَاحِبِكُمْ - رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

Ertinya: "Pada satu ketika kami sedang duouk dekat Nabi s.a.w. ketika di bawah seorang mayat, baginda bersabda: Sembahyangkanlah sahabat kamu itu"

Syarat-syarat Sembahyang Mayat

1. Syarat-syarat sembahyang mayat serupa juga dengan syarat-syarat sembahyang yang lain, seperti menutupi aurat, bersih badan dan pakaian daripada najis dan menghadap kiblat.
2. Mayat itu telah dimandikan dan dikapankan.
3. Mayat itu hendaklah diletakkan di hadapan orang yang menyembahyangkannya (di sebelah kiblat) kecuali sembahyang ghaib atau sembahyang di atas kubur.

Rukun Sembahyang Mayat

Rukun sembahyang mayat itu 7 perkara:

1. **Niat**

Setiap orang yang ikut bersama menyembahyangkan jenazah wajib berniat di dalam hatinya dipermulaan takbir bahawa ia melakukan sembahyang mayat kerana Allah semata-mata.

2. Berdiri Lurus (betul).

Sembahyang mayat hendaklah dilakukan dengan berdiri lurus tanpa rukuk, sujud dan sebagainya. Sesungguhnya demikian, seseorang yang tidak mampu berdiri, bolehlah sembahyang sambil duduk, berbaring dan sebagainya.

3. Takbir 4 kali

Takbir sembahyang mayat sebanyak 4 kali adalah termasuk takbiratul ihram (takbir yang beserta dengan niat).

4. Membaca Fatihah.

Membaca latihah hendaklah dilakukan selepas takbiratul ihram, dan tidak disunatkan membaca doa iftitah. Sabda Rasulullah s.a.w.

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ
مُتَّفَقٌ عَلَيْهِم

Ertinya: Tidak sah sembahyang orang yang tidak membaca surah At-Fatihah.

5. Membaca selawat ke atas Nabi s.a.w. selepas takbir yang kedua. Selawat itu ada yang pendek dan ada pula yang panjang.

Selawat yang pendek ialah:-

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Selawat yang panjang dan sempurna dan yang lebih afdhal ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ.

6. Mendoakan mayat.

Mendoakan mayat ini dilakukan selepas takbir yang ketiga. Doa yang pendek jika mayat itu lelaki ialah:-

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ.

Doa yang panjang dan sempurna serta afdal ialah:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ
وَآكْرِمْ نَزْلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ
بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالبَرْدِ وَنَقِّهِ مِنَ الخَطَايَا
كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ،
وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ
أَهْلِهِ، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَأَدْخِلْهُ
الجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ القَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ
عَذَابِ النَّارِ.

Jika mayat itu kanak-kanak lelaki hendaklah ditambah doa tersebut di atas dengan doa yang di bawah sekurang-kurangnya ialah : -

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ لَنَا سَلَفًا وَفَرَطًا وَآجِرًا

Doa yang sempurna dan afdal ialah:-

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرَطًا لِأَبَوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا
وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا وَثَقَلُ بِهِ
مَوَازِينُهُمَا وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا
وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهُ.

Jika mayat itu perempuan doa yang pendek selepas takbir yang ketiga ialah:-

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَعَفْ عَنْهَا،

Doa yang panjang dan sempurna serta yang afdal bagi mayat perempuan itu ialah:-

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَعَفْ عَنْهَا،
وَآكْرِمِ نُزُلَهَا وَوَسِّعِ مَدْخَلَهَا وَاغْسِلْهَا
بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهَا مِنَ الْخَطَايَا
كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ،
وَابْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا وَأَهْلًا خَيْرًا

مِنْ أَهْلِهَا، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَرْجِهَا،
وَادْخِلْهَا الْجَنَّةَ وَأَعِدْهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ
وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ.

Jika mayat itu kanak-kanak perempuan
hendaklah ditambah doa tersebut di atas dengan
doa di bawah sekurang-kurangnya ialah:-

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا لِنَاسِلًا وَفَرَطًا وَاجْرًا

Doa yang panjang dan sempurna serta afdhal
bagi mayat kanak-kanak perempuan ialah:-

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا فَرَطًا لِأَبْوَيْهَا وَسَلَفًا وَذُخْرًا
وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا وَثَقْلًا بِهَا
مَوَازِينَهُمَا وَافْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا
وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهَا وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهَا.

Selepas membaca doa ditakbir yang ketiga
hendaklah diiringi dengan takbir yang keempat
pula dan membaca doa. Jika mayat itu lelaki
sekurang-kurangnya ialah:-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنْنَا بَعْدَهُ
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ

Doa yang panjang dan sempurna satu afdhal bagi mayat lelaki ialah:-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَإِلَىٰ خَوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا
بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

Jika mayat itu perempuan doa yang pendek selepas takbir yang keempat ialah:-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهَا
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهَا.

Doa yang panjang dan sempurna serta afdhal bagi mayat perempuan ialah :-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهَا
وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهَا وَإِلَىٰ خَوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا
بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

7. Memberi salam.

Memberi salam ini hendaklah dilakukan selepas takbir yang keempat dan selepas doa ditakbir tersebut.

Setelah selesai salam tadi hendaklah membaca doa pula. Jika jenazah itu lelaki doanya ialah:-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْ قَبْرَهُ رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ
اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّهُ وَأَنْتَ حَلَقْتَهُ، وَأَنْتَ
هَدَيْتَهُ لِلْإِسْلَامِ. وَأَنْتَ قَبَضْتَ رُوحَهُ
وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِسِرِّهِ وَعِلَانِيَتِهِ، وَقَدْ جِئْنَاكَ
رَاعِبِينَ شُفَعَاءَ لَهُ فَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Jika jenazah itu perempuan doanya ialah:-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ اشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ قَبْرَهَا رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ
الْجَنَّةِ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّهَا وَأَنْتَ خَلَقْتَهَا، وَأَنْتَ
هَدَيْتَهَا لِلْإِسْلَامِ، وَأَنْتَ قَبَضْتَ رُوحَهَا
وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِسِرِّهَا وَعِلَانِيَّتِهَا، وَقَدْ
جِئْنَاكَ رَاغِبِينَ شُفْعَاءَ لَهَا وَغُفْرَانًا
وَلَهَا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Jika jenazah itu kanak-kanak lelaki doanya ialah:-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرْطًا لِابْوَيْهِ وَسَلَفًا وَذَخْرًا
وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا وَثَقْلًا بِهِ
مَوَازِينُهُمَا وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا
وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهُ،
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا
وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنثَانَا.

اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ
وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ.
اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ.

وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ.

Jika jenazah itu kanak-kanak perempuan doanya ialah:-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا فَرْطًا لِأَبْوَيْهَا وَسَلَفًا وَذُخْرًا
وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا وَثَقْلًا بِهَا
مَوَازِينُهُمَا وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا
وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهَا وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهَا.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا
وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنْثَانَا. اللَّهُمَّ
مَنْ أَحْيَيْتَهَا مِنَّا فَأَحْيِهَا عَلَى الْإِسْلَامِ وَمَنْ
تَوَفَّيْتَهَا مِنَّا فَتَوَفَّهَا عَلَى الْإِيمَانِ.
اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تَفْتِنْنَا بَعْدَهَا

وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ.

PERKARA - PERKARA YANG SUNAT

Sunat menyembahyangkan jenazah
sebagaimana berikut: -

1. Imam hendaklah berdiri bertentangan dengan kepala jenazah lelaki dan berdiri bertentangan dengan pinggang jenazah perempuan atau khunsa.
2. Kepala jenazah lelaki hendaklah diletakkan di sebelah kiri Imam. Manakala kepala jenazah perempuan dan khunsa diletakkan di sebelah kanan Imam. Dan adalah menurut biasanya kepala jenazah lelaki itu juga diletakkan di sebelah kanan Imam.
3. Hendaklah mayat itu disembahyangkan di Masjid.
4. Makmum hendaklah berdiri berbaris tiga barisan (tiga saf). Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan daripada Malik bin Hubairah:

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ يَمُوتُ فَيُصَلِّيَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِنْ
 الْمُسْلِمِينَ يَبْلُغُونَ أَنْ يَكُونُوا ثَلَاثَةً
 صُفُوفٍ إِلَّا غُفِرَ لَهُ - رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلَّا
 النَّسَائِيَّ.

Ertinya: Tidak seorang pun dari Orang yang beriman yang mati lalu disembahyangkan oleh sekumpulan orang Islam sampai tiga saf (barisan) melainkan diampunkan oleh Allah dosanya."

5. Mengangkat kedua tangan waktu mengucapkan takbir-takbir yang empat, dan meletakkan kedua tangan di atas pusat di bawah dada sebagaimana sembahyang-sembahyang yang lain. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
 كَانَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ فِي جَمِيعِ تَكْبِيرَاتِ
 الْجَنَازَةِ - رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ.

Ertinya: Diriwayatkan dari Ibnu Umar sesungguhnya Nabi s.a.w. mengangkat kedua tangannya pada semua takbir sembahyang mayat.

6. Membaca A'uzubillah sebelum membaca Al-Fatihah.

7. Mernperlahan-lahan (tidak nyaring) semua bacaan, walaupun di waktu malam-

Lafaz Qamat Sembahyang Jenazah

Qamat sembahyang mayat lelaki dewasa:

الصَّلَاةَ جَامِعَةً، الصَّلَاةَ عَلَى الْمَيِّتِ
الْحَاضِرِ، الصَّلَاةَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ.

Qamat sembahyang mayat perempuan dewasa:

الصَّلَاةَ جَامِعَةً، الصَّلَاةَ عَلَى مَيِّتَةِ
الْحَاضِرَةِ، الصَّلَاةَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ.

Qamat sembahyang mayat kanak-kanak lelaki:

الصَّلَاةَ جَامِعَةً، الصَّلَاةَ عَلَى مَيِّتِ الطِّفْلِ
الْحَاضِرِ، الصَّلَاةَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ.

Qamat sembahyang mayat kanak-kanak perempuan:

الصَّلَاةَ جَامِعَةً، الصَّلَاةَ عَلَى مَيِّتَةِ الطِّفْلِ
الْحَاضِرَةِ، الصَّلَاةَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ.

Semua lafaz qamat ini hendaklah dijawab:

الصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

LAFAZ NIAT

1. Jika jenazah itu lelaki lafaz niatnya:

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ
فَرَضَ كِفَايَةَ مَأْمُومًا (إِمَامًا) لِلَّهِ تَعَالَى اللَّهُ
أَكْبَرُ.

2. Jika jenazah itu perempuan lafaz niatnya:

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ
فَرَضَ كِفَايَةَ مَأْمُومًا (إِمَامًا) لِلَّهِ تَعَالَى اللَّهُ
أَكْبَرُ.

3. Lafaz niat yang umum bagi makmum sahaja, samada mayat itu lelaki, atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa hadir atau ghaib.

أُصَلِّي عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ الْإِمَامُ مَأْمُومًا لِلَّهِ
تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ.

Menghantar Mayat

Setelah mayat itu selesai dimandikan, dikapankan dan disembahyangkan, hendaklah mayat tadi dihantar ke kubur dengan segera untuk dikuburkan, di mana keranda mayat itu

dipikul pada empat penjuru, Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada Ibnu Masud r.a.

مَنْ اتَّبَعَ جَنَازَةً فَلْيُحْمِلْ بِجَوَانِبِ السَّرِيرِ
كُلِّهَا فَإِنَّهُ مِنَ السُّنَّةِ - رَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ.

Ertinya:” Barang siapa menghantar mayat (mengiringi) hendaklah memikul pada keempat penjuru keranda kerana sesungguhnya cara yang begitu adalah dari Sunnah Nabi s.a.w.”

Berdasarkan hadis ini jelas, bahawa cara menghantar mayat ke kubur yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ialah dengan dipikul, bukan ditarik atau ditolak dengan kereta, sebagaimana yang pernah dilakukan di zaman kita sekarang.

Menghantar mayat ke kubur dengan dipikul di atas bahu adalah sebagai penghormatan kepada mayat itu, dan perbuatan seperti ini adalah sunat,

Tetapi kalau mayat tadi dihantar ke kubur ditarik dengan kereta atau ditolak, maka mayat itu tidak dapat penghormatan yang sewajar, kerana secara tidak langsung mayat itu seolah-olahnya seperti barang-barang sahaja, dan perbuatan ini adalah makruh.

Menghantar mayat ke kubur adalah satu amal kebajikan dan termasuk dalam amalan-amalan yang sunat. Di mana mayat tadi masa dibawa ke kubur sunat didahulukan kepalanya.

Dalam mazhab Syafie adalah afdhal orang yang menghantar mayat ke kubur itu berjalan di hadapan jenazah (dahulu) dari jenazah. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan dari Ibnu Umar,

أَنَّه رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ يَمْشُونَ أَمَامَ الْجَنَازَةِ رَوَاهُ
أَحْمَدُ

Ertinya: "sesungguhnya Ibnu Umar telah melihat Nabi s.a.w. berserta Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar berjalan di hadapan mayat."

Tetapi dalam mazhab Hanafi adalah afdhal orang yang menghantar mayat ke kubur itu berjalan di belakang (kemudian) daripada mayat. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada Saidina Ali r.a. Sabdanya:

الْمَشْيُ خَلْفَ الْجَنَازَةِ أَفْضَلُ كَفَضْلِ
صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ عَلَى صَلَاةِ الْفِدِّ - إِسْنَادُ
حَسَنٌ وَهُوَ مَوْقُوفٌ لَهُ حُكْمُ الْمَرْفُوعِ

Ertinya "Berjalan di belakang mayat (kemudian dari mayat) adalah lebih afdhal sebagaimana sembahyang berjemaah lebih afdhal dari sembahyang seorang diri."

Mengkebumikan

Setelah selesai mayat itu dimandikan, dikapankan, disembahyangkan dan telah dibawa pula ke tanah perkuburan untuk dikebumikan (dikuburkan) maka hendaklah mayat tadi ditanamkan dalam lubang lahad.

Sekurang-kurangnya kedalaman lubang lahad itu adalah sehingga bau busuk mayat itu tidak boleh keluar dan tidak mungkin digali oleh binatang-binatang, kerana tujuan mengkebumikan mayat itu ialah untuk menjaga kehormatan mayat tersebut dan menjaga kesihatan mereka yang ada di sekitar kuburan itu.

Lubang Kubur

Lubang kubur itu disunatkan memakai lubang lahad, iaitu digali di bawah kubur sebelah kiblat sekadar termuat mayat. Kemudian ditutup dengan papan dan sebagainya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan daripada Amir bin Saad, katanya

الْحِدُّوا لِي لَحْدًا وَأَنْصِبُوا عَلَيَّ اللَّيْنَ
نَضْبًا كَمَا صُنِعَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ رَوَاهُ أَحْمَدُ وَمُسْلِمٌ.

Ertinya: "Buatkan olehmu lubang lahad untukku dan pasanglah di atasku batu, sebagaimana dibuat pada kubur Rasulullah s-a.w."

Ini ialah jika tanah perkuburan itu keras. Sebaliknya kalau tanah perkuburan tadi lembut dan mudah runtuh, seperti tanah bercampur pasir, maka lebih baik kuburan itu dibuat lubang tengah, iaitu lubang kecil di tengah-tengah kubur sekadar termuat mayat, kemudian di tutup dengan papan dan sebagainya.

Lubang kubur itu jangan terlalu sempit dan jangan pula terlalu lebar (sederhana) sekadar termuat mayat, dan dalamnya ialah lebih kurang empat hasta setengah.

Cara-cara Menguburkan

1. Apabila jenazah tiba di tanah perkuburan hendaklah diletakkan di arah kaki kubur.
2. Diangkat mayat itu ke dalam lubang lahad atau lubang tengah perlahan-lahan (lemah lembut) dan bercermat.

3. Miringkan mayat itu ke sebelah kanan dan dihadapkan mukanya ke arah kiblat.

Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ عُبَيْدِ بْنِ عُمَيْرٍ عَنْ أَبِيهِ وَقَدْ سَأَلَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا عَنْ
الْكَبَائِرِ فَقَالَ تِسْعٌ. الشِّرْكُ، وَالسِّحْرُ،
وَقَتْلُ النَّفْسِ، وَآكُلُ الرِّبَا، وَآكُلُ مَالِ
الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذَفَ
الْمُحْصَنَاتِ، وَغُفُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَاسْتِحْلَالُ
الْبَيْتِ الْحَرَامِ قَبْلَتِكُمْ أَحْيَاءً وَأَمْوَاتًا - رَوَاهُ
أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ.

Ertinya: "Diriwayatkan dari 'Ubaid bin Umair dari bapanya, Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai dosa, dosa besar, Baginda menjawab. Dosa besarr itu ada sembilan macam. Pertama Syirik, Kedua Sihir, Ketiga membunuh manusia, Keempat makan riba, Kelima makan harta anak Yatim, keenam lari dari medan peperangan, Ketujuh menuduh orang berzina, Kelapan durhaka kepada dua ibu bapa, dan Kesembilan menghalalkan (tidak

menghormati) Baitil-Haram, Kiblat kamu sewaktu hidup dan mati (dalam lubang lahad)'''

Mereka yang tidak menghadapkan muka mayat ke arah kiblat sewaktu mengebumikan (di dalam kubur) bererti mereka itu telah melakukan dosa besar.

4. Jika mayat itu perempuan, ketika memasukkannya ke kubur hendaklah ditutup di atasnya dengan kain dan sebagainya. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَهْلِ الْكُوفَةِ: أَنَّ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ
أَتَاهُمْ وَهُمْ يَدْفُنُونَ مَيِّتًا وَقَدْ بَسَطَ
رَبٌّ عَلَى قَبْرِهِ فَجَذَبَ الثَّوْبَ مِنَ الْقَبْرِ
إِنَّمَا يُصْنَعُ هَذَا بِالنِّسَاءِ أَخْرَجَهُ
الْبَيْهَقِيُّ.

Ertinya: "Diriwayatkan dari ahli Kufah: Sesungguhnya Ali bin Abi Talib telah datang kepada mereka, sewaktu mereka sedang menguburkan mayat, dan telah dibenangkan kain di atas kubur, maka beliau mengambil kain itu dari kubur, sambil berkata: Sesungguhnya tutup ini hanya dilakukan kepada mayat perempuan."

5. Ketika mengangkat mayat ke dalam kubur disunatkan membaca:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَىٰ مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

6. Hendaklah dimasukkan mayat itu ke kubur dari arah kaki kubur dengan mendahulukan kepalanya: Sabda Razulullah s.a.w.:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ يَزِيدَ صَلَّى عَلَىٰ جَنَازَةِ الْحَارِثِ ثُمَّ ادْخَلَهُ الْقَبْرَ مِنْ قِبَلِ رِجْلَيْ الْقَبْرِ قَالَ هَذَا مِنْ هَذَا مِنَ السُّنَّةِ - رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

Ertinya: "Bahawannya Abdullah bin Yazid telah menyembahyangkan mayat Al-Haris, kemudian dimasukkannya ke kubur dari arah kaki kubur dan berkata, cara seperti ini (memasukkan mayat dari arah kaki kubur) adalah dari Sunnah Rasulullah s.a.w."

7. Buka tali ikatan yang mengikat kapan mayat itu.

8. Bukakan kain kapan pada muka mayat, supaya mukanya tercecah ke tanah.

9. Setelah ditutup lahad mayat itu hendaklah dimasukkan ke dalam kuburnya tiga kepal tanah dan dibaca:

Kepal yang pertama:

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ اللَّهُمَّ لَقِّنْهُ عِنْدَ الْمَسْأَلَةِ حُجَّتَهُ

Kepal yang kedua:

وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ اللَّهُمَّ افْتَحْ أَبْوَابَ السَّمَاءِ
لِرُوحِهِ.

Kepal yang ketiga:

وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى اللَّهُمَّ جَافِ
الْأَرْضِ عَنِ جَنْبِيهِ

10. Tutup lubang kubur itu dengan papan dan sebagainya, dan timbus dengan tanah serta ditinggikan sekadar sejengkal. Sabda Rasulullah s.a.w.

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَفَعَ قَبْرَ
إِبْرَاهِيمَ ابْنِهِ قَدْرَ شِبْرٍ - أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ

Ertinya: "sesungguhnya Nabi s.a.w telah meninggikan kubur anaknya Ibrahim sekadar sejengkal.

11. Bahagian atas kubur yang ditinggikan sekadar sejengkal itu, jangan dilonjongkan, tetapi hendaklah didatarkan dan diratakan. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَبِي الْهَيَّاجِ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ
أَبْعَثْكَ عَلَى مَا بَعَثَنِي عَلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَدْعُ تِمَثَالًا إِلَّا طَمَسْتَهُ وَلَا
قَبْرًا مُشَرَّفًا إِلَّا سَوَّيْتَهُ - رواه مسلم.

Ertinya: "Diriwayatkan dari Abi A-Hayyaj dari 'Ali r.a. Katanya: Aku utus engkau sebagaimana Rasulullah s.a.w. mengutus aku, jangan engkau biarkan lembaga patung (anak-anak patung) melainkan hendaklah engkau hapuskan, dan jangan engkau biarkan kubur dilonjongkan, melainkan hendaklah didatarkan (diratakan tanah yang tinggi sekadar sejengkal di atas kubur)."

12. Hendaklah menandai kubur dengan batu dan sebagainya (batu nisan) di sebelah kepala mayat. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنِ الْمُطَّلِبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: لَمَّا مَاتَ
 عُثْمَانُ بْنُ مَظْعُونٍ خَرَجَ بِجَنَازَةٍ فَدُفِنَ
 فَأَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا أَنْ
 يَأْتِيَ بِحَجَرٍ فَلَمْ يَسْتَطِعْ حَمَلَهُ فَقَامَ إِلَيْهِ
 رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ وَخَسَرَ عَنْ ذِرَاعَيْهِ ثُمَّ
 حَمَلَهَا فَوَضَعَ عِنْدَ رَأْسِهِ وَقَالَ أَعْلِمُ بِهَا
 قَبْرَ أَخِي وَأَدْفِنُ إِلَيْهِ مَنْ مَاتَ مِنْ أَهْلِي -
 رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

Ertinya: Diriwayatkan dari Munalih bin Abdullah. Katanya: Tatkata Usman bin Maz'un meninggal dunia, dibawa jenazahnya keluar, lalu dikuburkan. Nabi s.a.w. menyuruh seorang lelaki mengambil batu, tetapi lelaki itu tidak berupaya (tidak kuat membawanya). Rasulullah s.a.w. pun bangkit (bangun berdiri mendekati batu itu dan menyinsingkan kedua belah lengan bajunya, kemudian batu tadi dibawanya, lalu diletakkannya di sebelah kepala mayat itu sambil bersabda: Aku memberi tanda kubur saudaraku dan aku akan menguburkan di sini sesiapa yang mati di antara ahliku.

13. Meletakkan batu kecil-kecil (batu kerikil) di atas kubur. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَضَعَ حَصْبَاءَ عَلَى قُبْرَائِهِ إِبْرَاهِيمَ - رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ.

Ertinya: "Diriwayatkan dari Ja'afar bin Muhammad dari bapanya. Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah meletakkan batu-batu kecil di atas kubur anaknya Ibrahim."

14. Meletakkan pelepah-pelepah yang basah di atas kubur. Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan dari Ibnu 'Abbas menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melakukan perbuatan seperti itu ke atas kubur sahabat-sahabatnya, dan pernah bersabda yang maksudnya; bahawa pelepah yang basah itu memohon ampun kepada mayat itu selama ianya belum kering.

15. Menyiram kubur dengan air – Sabda Rasulullah s.a.w

عَنْ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ رَسُّ عَلَى قُبْرَانِهِ إِبْرَاهِيمَ رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ.

Ertinya: Diriwayatkan dari Ja'afar bin Muhammad dari bapanya; Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah menyiram kubur anaknya, Ibrahim.

16. Setelah selesai mayat dikebumikan, hendaklah dibacakan talkin bagi mayat yang sudah baligh(dewasa).

17. Orang yang membaca talkin itu hendaklah ia duduk atau berdiri pada muka mayat dengan membelakangkan kiblat, dan orang yang hadir berdiri mendoakan supaya jenazah mendapat keampunan daripada Allah di atas segala dosanya.

Jika mayat itu lelaki doanya:

اللَّهُمَّ لِقْنَهُ حُجَّتَهُ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْهُ عَلَى الْحَقِّ،
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَأَرْحَمْهُ

Jika mayat itu perempuan doanya:

اللَّهُمَّ لَقْنَهَا حُجَّتَهَا، اللَّهُمَّ ثَبِّتْهَا عَلَى
الْحَقِّ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَأَرْحَمْهَا

Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ عُثْمَانَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ فَقَالَ:
اسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَأَسْأَلُوا لَهُ التَّشْيِيتَ
فَإِنَّهُ الْآنَ يُسْأَلُ - رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ
وَالْحَاكِمُ.

Ertinya: Diriwayatkan dari Usman: Adalah Nabi s.a.w. bila selesai menguburkan mayat baginda berdiri lalu bersabda: "Mintakanlah olehmu ampun saudaramu, dan mintakanlah supaya ia tetap hatinya, kerana dia sekarang sedang disoal."

Dengan berakhirnya pengurusan mayat dengan bacaan talkin dan doa lepaslah dan selesai tanggungjawab orang yang hidup terhadap mayat sebagai fardhu kifayah.

TALKIN

Sunatkan membaca talkin jika mayat itu berakal dan baligh, walaupun gila selepas baligh. Amalan talkin adalah amalan yang bersandarkan kepadahadis Rasulullah S.A.W. Daripada Usman, katanya:

"Apabila sudah selesai mengebumikan jenazah, Nabi Muhammad berdiri, berhenti di atasnya lalu berkata, mintalah keampunan untuk saudaramu dan mintalah baginya tetap jawapan kerana sesungguhnya dia sekarang sedang disoal"
(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Hakim)

Daripada Dumrah bin Hasib melaporkan:

"Mereka menyukai apabila diratakan kubur dan manusia berpaling daripadanya bagi disebut di ata kuburnya, Hai fulan! Katakanlah lailahailallah sebanyak 3 kali; Hai fulan! Katakanlah Allah tuhanku, Islam agamaku dan Nabi Muhammad S.a.w nabiku."

(Diriwayatkan oleh Said bin Mansur)

Talkin dibacakan sebaik sahaja tanah sudah diratakan. Pembaca talkin duduk membelakangkan kiblat iaitu berhadapan dengan muka si mati yang menghadap kiblat. Talkin boleh dibaca dalam bahasa Arab ataupun bahasa yang difahami masyarakat setempat. Lebih baik sekiranya dibaca dalam bahasa Arab sehingga akhirnya (tidak termasuk doa akhir talkin), seterusnya baca terjemahannya dalam bahasa yang difahami penduduk.

Lafaz talkin adalah seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ. كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ. مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى. خَلَقْنَاكُمْ لِلْأَجْرِ وَالثَّوَابِ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ لِلدُّودِ وَالتَّرَابِ. وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ لِلْعَرْضِ وَالحِسَابِ.

بِسْمِ اللَّهِ بِاللَّهِ وَمِنَ اللَّهِ وَإِلَى اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ. إِنْ كَانَتْ أَجْمَعِينَ فَقُلْ هُوَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَاءَنَا بِالْبَيِّنَاتِ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّبِعْنَاهُ وَأَمْنَا بِهِ وَصَدَّقْنَا بِرِسَالَتِهِ. فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

وَاعْلَمَ يَا عَبْدَ اللَّهِ أَنَّ الْمَوْتَ حَقٌّ، وَأَنَّ نُزُولَ الْقَبْرِ حَقٌّ، وَأَنَّ

سؤال مُنكر وَنَكير حَقٌّ، وَأَنَّ البُعْثَ حَقٌّ، وَأَنَّ الحِسابَ حَقٌّ،
وَأَنَّ المِيزانَ حَقٌّ، وَأَنَّ الصِّراطَ حَقٌّ، وَأَنَّ النَّارَ حَقٌّ، وَأَنَّ الجَنَّةَ
حَقٌّ، وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لا رَيْبَ فِيها وَأَنَّ اللهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي
القُبُورِ. وَنَسْتَوِدِعُكَ اللهُ. اللهُمَّ يا أُنيسَ كُلِّ وَحيدٍ وِيا حاضِرًا
لَيْسَ بِغائِبٍ أَنسٍ وَوَحَدتِنا وَوَحَدتَهُ وَارْحَمِ غُرْبَتِنا وَغُرْبَتَهُ
وَلَقِنَهُ حُجَّتَهُ وَلا تَفْتِننا بَعْدَهُ وَاعْفِرْ لَنا وَلَهُ يا رَبِّ العالَمِينَ.
سُبْحانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ على المُرْسَلِينَ
وَالحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ العالَمِينَ.

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi
Maha Penyayang.

Segala sesuatu akan mati kecuali Tuhan. Tuhan
Allah yang punya perintah dan kepadaNya kamu
dikembalikan. Tiap-tiap diri akan merasakan
kematian, dan bahawasanya pahala untukmu dan
dicukupkan pada hari kiamat. Orang yang
beruntung adalah orang yang dijauhkan daripada
neraka dan dimasukkan ke dalam syurga.

Kehidupan di dunia ini hanya kesenangan sementara.

“Daripada tanah Kami jadikan kamu, dan kepada tanah Kami kembalikan dan dari tanah juga kamu akan Kami hidupkan sekali lagi” (Taha:55)

Daripada tanah Kami jadikan kamu (bagi mencari upah dan pahala), kepada tanah Kami kembalikan kamu (bagi dimakan ulat dan tanah), dan daripada tanah kamu akan dikeluarkan (bagi menghadiri padang mahsyar dan menjalani perhitungan).

Dengan nama Allah, dan dengan Allah, dan daripada Allah dan kepada Allah dan atas agama Rasulullah. Inilah yang dijanjikan Tuhan dan benarlah perkataan rasul-rasul.

“Hanya dengan satu suara keras, lantas semua orang dibawa ke hadapan-Ku” (Yasin: 52-53)

Hai (sebut nama) wahai hamba Allah anak hamba Allah, mudah-mudahan Allah mengasihi kamu, dunia dan segala kemegahannya sudah habis untukmu, sekarang kamu sudah dalam permulaan alam barzakh, maka janganlah kamu

lupakan ikrar yang sudah kamu ikrarkan di dunia untuk menempuh hari akhirat, iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad S.A.W, itu pesuruh Allah. Kalau datang kepadamu dua orang malaikat dan kepada kawan-kawanmu yang sama dengan kamu dari umat Nabi Muhammad S.A.W, janganlah kamu terkejut dan takut kerana kedudukan keduanya adalah makhluk Allah, serupa kamu juga.

Kalau mereka sudah datang dan mereka dudukkan kamu dan mereka bertanya siapa Tuhan kamu, apa agama kamu dan siapa nabi kamu, apa iktikad kamu dan apa yang kamu bawa mati, maka jawablah, 'Allah Tuhanku.'

Kalau mereka tanya lagi maka jawablah, "Allah Tuhanku". Kalau mereka Tanya yang ketiga kali, dan itulah kesudahan yang baik, maka jawablah dengan suara yang lantang tidak takut dan gelisah, 'Tuhanku Allah, Muhammad Nabiku, al-quran kitabku, kaabah kiblatku, sembahyang kewajipanku, kaum Muslimin saudaraku, Nabi Ibrahim bapaku dan aku hidup dan mati di atas kalimah lailahailallah, Muhammad Rasulullah'

Kalau kamu ditanya lagi tentang orang yang dirasulkan untukmu dan untuk sekalian makhluk

maka jawablah bahawa beliau itu adalah Nabi Muhammad S.A.W yang membawa kepada kami Al-Quran dari Tuhannya maka kami mengikut dia, kami beriman dengan dia, kami membenarkan kerasulannya. Andaikata orang yang tidak mahu mengikut dia maka apa boleh kami buat, kami hanya mengatakan, “pemimpin kami Allah, tiada Tuhan selain Allah, kepadaNya kami bertawakal dan Dialah Tuhan Arasy yang Besar” Ketahuilah wahai hamba Allah, bahawasanya mati itu adalah benar, turun ke kubur adalah benar, pertanyaan Munkar dan Nakir itu adalah benar, bangkit sesudah mati itu adalah benar, dihitung dosa dan pahala itu adalah benar, timbangan itu adalah benar, Titian Siratul Mustaqim itu benar, neraka itu benar, syurga itu benar, Hari Kiamat pasti datang, tidak ragu lagi dan bahawasanya Allah akan membangkitkan kembali sekalian orang yang dalam kubur, dan kami menitipkan kamu kepada Allah”

Doa selepas tamat talkin di atas kubur (lelaki):

اللَّهُمَّ أَسَلِمَهُ إِلَيْكَ الْأَشْحَاءُ مِنْ وَلَدِهِ وَأَهْلِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَخْوَانِهِ
وَفَارِقٍ مَنْ كَانَ يُحِبُّ قُرْبَهُ، وَخَرَجَ مِنْ سَعَةِ الدَّارِ وَالْحَيَاةِ
إِلَى ظُلْمَةِ الْقَبْرِ وَضَيْقِهِ وَنَزَلَ بِكَ وَأَنْتَ خَيْرَ مَنْزُولٍ بِهِ إِنْ
عَاقَبْتَهُ فَبِذَنْبِهِ فَإِنْ عَفَوْتَ فَأَنْتَ أَهْلُ الْعَفْوِ. اللَّهُمَّ أَنْتَ غَنِيٌّ
عَنْ عَذَابِهِ وَهُوَ فَقِيرٌ إِلَى رَحْمَتِكَ. اللَّهُمَّ أَشْكُرُ حَسَنَتَهُ
وَتَجَاوَزُ عَنْ سَيِّئَاتِهِ وَشَفَعُ جَمَاعَتَنَا فِيهِ وَاعْفُرْ ذَنْبَهُ وَأَفْسَحْ
لَهُ فِي قَبْرِهِ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَأَدْخِلْ عَلَيْهِ الْأَمَانَ وَالرَّوْحَ
فِي قَبْرِهِ، وَاكْفِهِ كُلَّ هَوْلٍ دُونَ الْجَنَّةِ، وَارْفَعْهُ فِي عَلِّيِّينَ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Doa selepas tamat talkin di atas kubur
(perempuan):

اللَّهُمَّ أَسْلَمَهَا إِلَيْكَ الْأَشْحَاءُ مِنْ وَلَدِهَا وَأَهْلِهَا وَقَرَابَتِهَا
 وَإِخْوَانِهَا وَفَارَقَتْ مَنْ كَانَ يُحِبُّ قُرْبَهَا ، وَخَرَجَتْ مِنْ سَعَةِ
 الدَّارِ وَالْحَيَاةِ إِلَى ظُلْمَةِ الْقَبْرِ وَضَيْقِهِ وَنَزَلَتْ بِكَ وَأَنْتَ خَيْرُ
 مَنْزُولٍ بِهَا، إِنْ عَاقَبْتَهَا فَبِذَنْبِهَا فَإِنْ عَفَوْتَ فَأَنْتَ أَهْلُ
 الْعَفْوِ. اللَّهُمَّ أَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهَا وَهِيَ فَقِيرَةٌ إِلَى رَحْمَتِكَ.
 اللَّهُمَّ اشْكُرْ حَسَنَتَهَا وَتَجَاوَزْ عَنْ سَيِّئَاتِهَا وَشَفِّعْ جَمَاعَتَنَا
 فِيهِ وَاعْفِرْ ذَنْبَهَا وَأَفْسَحْ لَهَا فِي قَبْرِهَا وَأَعِذْهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ
 وَادْخُلْ عَلَيْهَا الْأَمَانَ وَالرَّوْحَ فِي قَبْرِهَا، وَاكْفِهَا كُلَّ هَوْلٍ دُونَ
 الْجَنَّةِ وَارْفَعْهُ فِي عَلِيِّينَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى
 اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
 رَبِّ الْعَالَمِينَ.

"Ya Allah, wahai Tuhan Kami! Telah diserahkan
 si mati kepadaMu oleh orang yang mempunyai
 rasa kasih sayang kepadanya, yaitu daripada
 kalangan anak isteri, kerabat dan juga saudara-
 maranya. Si mati telah berpisah dengan orang

yang mencintainya lalu keluar daripada keluasan rumah tangga dan kemewahan hidupnya menuju ke liang kubur dan kesempitannya. Ia telah menuju kepadaMu ya Allah, sedang Engkau sebenarnya tempat tujuan yang sebaik-baiknya. Jika Engkau seksa si mati ini, ialah disebabkan dosanya, sebaliknya jika Engkau mengampuninya, maka Engkau sahaja yang berhak mengampuninya.

Ya Allah, wahai Tuhan kamil Engkau terkaya daripada menyeksakan sedangkan si mati berhajat benar-benar kepada limpah kurnia rahmatMu ya Allah! Ya Allah! Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kebaikan kepada si mati. Ampunilah dosa kejahatannya, kurniakanlah syafaat kumpulan kami ini kepadanya, maafkanlah kesalahannya, luaskanlah kubur untuknya, lindungilah dia daripada azab seksa, masukkan ke dalam kuburnya itu rasa tenteram dan kesejahteraan, kerehatan, dan lepaskanlah ia daripada halangan yang menyekat jalannya ke syurga."

Setelah selesai talkin, sambung dengan tahlil dan doa. Kemudian, siram di permukaan kubur dengan air yang disediakan sambil mencucuri

dari arah kepala hingga ke arah kakinya dengan membaca doa ini:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ، وَوَسِّعْ
مَدْخَلَهُ، وَاغْسِلْهُ بِمَاءِ الثَّلَجِ وَالْبَرْدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا
يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدَلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ،
وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ،
وَأَعِزَّهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِحَيِّنَا وَمَيِّتِنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا وَصَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا
وَذَكَرْنَا وَأُنْشَنَا. اللَّهُمَّ مَنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَحْيِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ
وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ. اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ
وَلَا تُضِلَّنَا بَعْدَهُ وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

"Ya Allah, ampunilah kesalahannya, berilah rahmat kepadanya, selamatkanlah dia dan maafkanlah dia. ya Allah, muliakanlah dan luaskanlah tempat tinggalnya, serta mandikanlah

dia dengan air salji dan kesejukan. Ya Allah, bersihkanlah dia daripada segala kesalahan, sebagaimana bersihnya pakaian putih daripada segala dosa. Ya Allah, berikanlah kepada dia rumah yang lebih baik daripada rumahnya ini, keluarga yang lebih baik daripada keluarganya ini dan jodoh yang baik daripada jodoh ini sebagai gantinya. Ya Allah, masukkanlah dia ke dalam Syurga dan lindungilah dia daripada azab kubur dan azab Neraka.

Ya Allah, ampunilah orang yang hidup, orang yang mati, orang yang hadir dan orang yang tidak hadir daripada kami, orang muda dan orang tua, lelaki dan perempuan. Ya Allah, kepada orang yang telah Engkau hidupkannya daripada kami, hidupkanlah ia dalam Islam dan kepada orang yang telah Engkau matikan, matikanlah ia dalam keadaan beriman. Ya Allah, janganlah Engkau sesatkan kami sepeninggalannya. Dengan rahmatMu wahai Zat yang Maha Pengasih, segala puji bagi Allah, Tuhan seru sekalian alam.

إنا لله وإنا إليه راجعون

**Daripada Allah kamu datang,
kepada Allah kamu kembali.**

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

FEDERAL TERRITORY ISLAMIC AFFAIRS DEPARTMENT

Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana, 50676 Kuala Lumpur.

Tel : +0603-2274 9333

Fax : +603-2273 1575

Web : www.jawi.gov.my

E-mel : info@jawi.gov.my / aduan@jawi.gov.my

Hotline Penguatkuasaan : 1-800-88-1771